



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13/7/2019	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



BURUNG Lang Berjambul yang disimpan lelaki tempatan.

Padah simpan Lang Berjambul

Kulai: Simpan secara haram burung Lang Berjambul dan Landak Raya di belakang rumah. Itu tindakan seorang lelaki tempatan berusia 55 tahun yang diambil tindakan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Johor.

Pengarah Perhilitan Johor, Salman Saaban berkata, hasil maklumat awam diterima, sepasukan anggota penguat kuasa menjalankan serbuan di rumah lelaki itu terletak di Jementah, Segamat, pada jam 1 tengah hari kelmarin.

"Pemeriksaan menemui seekor burung Lang Berjambul dan lapan ekor Landak Raya disimpan di belakang rumah lelaki itu," katanya.

Menurutnya, siasatan awal mendapati tiada sebarang dokumen kelulusan daripada Jabatan Perhilitan dikeluarkan kepada pemilik

rumah itu untuk menyimpan semua hidupan liar.

Katanya, suspek sudah ditahan untuk diambil rakan percakapan.

"Burung Lang Berjambul yang dirampas ini adalah spesies dilindungi. Kami percaya ia boleh dijual dengan harga RM500 hingga RM1,000 seekor berdasarkan saiz dan jenis.

"Manakala bagi landak raya pula, ia adalah spesies berlesen, ia boleh dibiak dan dijual mengikut peraturan ditetapkan, kebiasaannya ada had umur yang kita tetapkan," katanya.

Beliau berkata, seekor landak dewasa dengan induknya boleh dijual dengan harga RM3,500 hingga RM5,000 mengikut pasaran semasa.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).



SEEKOR landak dewasa boleh dijual mencecah RM5,000 mengikut pasaran semasa.